

## **ULASAN BUKU/BOOK REVIEW**

**The Rohingyas: Inside Myanmar's Hidden Genocide**  
Oleh Azeem Ibrahim, London, C. Hurst & Co. Ltd, 2016.  
ISBN: 978-184-90-4623-7

*The Rohingyas: Inside Myanmar's Hidden Genocide* adalah hasil karya sarjana dari Britain, Azeem Ibrahim. Buku yang berjumlah 235 halaman ini terdapat di pasaran antarabangsa tetapi ia diharamkan di Myanmar. Karya ini mempunyai tujuh bab yang dimulai dengan sejarah awal pembentukan Myanmar (dan etnik Rohingya) hingga keadaan terkini etnik Rohingya pada tahun 2015. Ibrahim merungkai latar belakang Arakan sebagai sebuah wilayah yang bersempadan antara Burma<sup>1</sup> dan Bengal. Menurut sejarah dari abad ke lapan hingga abad ke sebelas, Kerajaan Vesali mendominasi pemerintahan Arakan. Masyarakatnya berketurunan Hindu dan Buddha Mahayana dengan Bahasa rasmi dipengaruhi oleh budaya Indo-Aryan. Pembentukan masyarakat bernegara bermula semasa pemerintahan Dinasti Mrauk-U, yang menganuti Theravada Buddhisme dan menggunakan bahasa mirip dengan Bahasa Burma. Jajahan Dinasti Mrauk termasuklah Lembah Irrawaddi, namun, kuasanya adalah sangat terbatas. Hal ini kerana sebahagian besar kawasan pemerintahannya terletak di lembah gunung. Manakala kebanyakan kawasan pergunungan pula didiami oleh kaum pribumi etnolinguistik dan mereka tinggal secara berpuak tanpa pengaruh luar. Kuasa pusat secara relatifnya berdasarkan kepada kawalan ke atas masyarakat dan bukannya wilayah seperti yang difahami dalam konsep pembentukan negara moden. Raja di Burma pada ketika itu tidak mementingkan keturunan etnik dalam pembentukan masyarakat negaranya. Perkara yang sama juga berlaku di wilayah Arakan, di mana kedinamikan etnik dalam sistem bermasyarakat tidak hanya mementingkan kepada satu agama atau bangsa. Di Arakan, pemimpin-pemimpin mereka bersikap terbuka kepada semua bentuk budaya dan agama.

Ibrahim secara jelas menyatakan bahawa beliau bersepakat dengan Michael Charney, seorang sejarawan, bahawa konflik etnik dan pergolakan agama adalah disebabkan campur tangan British. Kesan penjajahan dan dasar British yang mentadbir wilayah berdasarkan ras, agama dan etnik menyebabkan berlakunya kepincangan dalam sistem masyarakat majmuk di Burma. Pihak British juga berjaya merengangkan hubungan antara etnik di Burma dengan memisahkan sistem perekonomian, tenaga kerja pentadbiran dan ketenteraan berdasarkan pengelasan etnik yang berlainan. Contohnya memisahkan etnik Chin dan Kachin yang tinggal di kawasan berbukit dengan mengecilkan hubungan ekonomi antara kumpulan dan merekrut tentera bagi tujuan untuk melaga-lagakan. Menurut Ibrahim lagi, setelah merdeka hampir 14 tahun daripada British pada 1948, pentadbiran Burma diambil alih oleh U-Nu. Aspirasi U-Nu untuk menyatupadukan etnik dan membentuk sebuah negara demokrasi di Myanmar menemui kegagalan. Hal ini kerana masyarakat

Myanmar jika diteliti dari sudut sejarah tidak pernah disatukan dalam mana-mana pemerintah berkerajaan. Walaupun U-Nu berjaya mengistiharkan agama Buddha sebagai agama rasmi negara pada tahun 1961 namun beliau masih mengiktiraf Rohingya sebagai sebuah etnik peribumi dan warganegara Burma pada ketika itu. Penafian kerakyatan dan penindasan Rohingya hanya berlaku setelah rampasan kuasa pada tahun 1962. Pemimpin tentera diterajui Ne-Win ingin mengurangkan kuasa masyarakat ‘asing’ dalam pentadbiran dan mula memperkenalkan idea atau konsep ‘Bangsa Kebangsaan’ dengan mewartakan akta kenegaraan yang prejudis kepada kaum Rohingya.

Pihak pemerintah Myanmar telah lama mengaplikasikan konsep etnik yang tegas dan bersifat ras bagi menimbulkan rasa bahaya dan ketidakpercayaan dikalangan etnik di Myanmar. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pihak pemerintah untuk mengawal dan mentadbir etnik – etnik yang wujud di Myanmar. Pihak kerajaan ingin membangunkan model ‘Negara Bangsa’ bagi membangunkan sistem pentadbiran negara yang lebih berkesan. Semenjak rampasan kuasa yang berlaku pada tahun 1962- Jeneral Ne Win telah mentadbir negara dan telah mengarahkan semua jentera kerajaan untuk merealisasikan sistem pengelasan etnik yang berlandaskan kepada agama (majoriti Buddha) dan etnik terpilih bagi membentuk satu identiti kolektif sesuai dengan model ‘Negara Bangsa’. Kesemua warganegara yang berdaftar diberikan kad pengenalan yang dibawa bersama bagi menentukan kelas sosial mereka dalam masyarakat dan hanya mereka yang berdaftar layak untuk mengundi serta dikenali sebagai majoriti Bamar. Kaum Rohingya pada mulanya telah diberikan satu kad pendaftaran sementara sebagai satu proses pengesahan nasional. Namun proses ini tidak pernah selesai sebaliknya mereka telah dilucutkan kerakyatan. Ibrahim turut menghujahkan bahawa peralihan pentadbiran demokrasi di Myanmar dibawah naungan Aung San Suu Kyi tidak memberi sebarang penyelesaian kepada isu penindasan Rohingya. Hal ini adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah (i) pihak tentera Myanmar mengawal semua insentif negara bagi tujuan keselamatan, dan berupaya untuk menggunakan pendekatan ketenteraan sekiranya terdapat ancaman luar (etnik minoriti) yang menentang kerajaan. (ii) Aung San Suu Kyi enggan mempertahankan etnik Rohingya disebabkan kerana tidak mahu menyinggung para penyokong majoriti parti yang terdiri daripada masyarakat beragama Buddha.

Kelemahan utama karya ini adalah apabila Ibrahim cenderung untuk menimbulkan rasa simpati masyarakat terhadap etnik Rohingya. Kedua, Ibrahim gagal menjelaskan keseluruhan proses sejarah dan pembangunan sosial yang membawa kepada episod penderitaan Rohingya di Arakan. Hal ini kerana penulis hanya menumpukan bahan penulisan dari sumber wawancara di pihak Rohingya dan militan dengan mengenepikan sumber atau rekod dapatan dari etnik Rakhine atau Bamar. Ketiga, Ibrahim tidak membincangkan sumber sejarah berdasarkan fakta-fakta utama dan sahih sebaliknya mengulangi

beberapa tuntutan yang dibuat oleh intelektual Rohingya untuk menguatkan ‘watak’ mereka sebagai alat untuk memulihkan hak. Sebagai contoh, apabila menganalisis sejarah pra-moden Arakan, ia menyatakan bahawa “Kebanyakan penguasa” Dinasti Mrauk-U, yang menguasai Kerajaan dari awal abad kelima belas hingga pencerobohan Burma Pada tahun 1784, mereka adalah orang Islam. Kesalahan ini adalah berdasarkan fakta bahawa Raja Mrauk-U kesemua mereka adalah beragama Buddha. Ibrahim juga menggambarkan bahawa Rakhine berasal daripada kawasan tengah Burma dan membawa kepada proses pembudayaan yang akhirnya melahirkan etnik Rohingya. Tafsiran sejarah Ibrahim adalah bersifat *‘anachronistically’* dan mentakrifkan bahawa bahasa tidak semestinya mendedahkan keturunan. Tidak banyak yang diketahui mengenai pola penghijrahan yang berlaku pada ketika itu. Walau bagaimanapun, dapat disimpulkan bahawa disebabkan penghijrahan yang berlaku antara masyarakat Burma dan Arakan serta proses akulterasi semasa dinasti Mrauk-U – hubungan masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai lapisan etnik telah berlaku.

Secara keseluruhan, tidak dapat dinafikan bahawa karya ini ada keistimewaan yang tersendiri. Pertama dan utamanya, Ibrahim dilihat berani untuk mengetengahkan isu yang menjadi tumpuan masyarakat dunia dan antara sedang ‘hangat’ diperdebatkan. Karya ini membolehkan pembaca memahami masalah politik yang berlaku di Myanmar dan seterusnya mempunyai hubung kait dengan isu hak asasi dan demokrasi serta undang-undang antarabangsa. Keduanya, buku ini juga bersifat instruktif dan ia boleh dikatakan sebagai antara rujukan penting bagi para sarjana, pelajar-pelajar merentasi bidang pengajian dan orang awam. Tambahan pula, karya boleh dijadikan antara rujukan utama kepada pengkaji dan penganalisis yang ingin mendalamai isu Rohingya menurut perspektif Rohingya kerana Ibrahim cuba merungkai menurut sudut pandang etnik tersebut.

Justeru, setelah mendalamai karya Ibrahim, pengulas berpendapat bahawa perdebatan mengenai konflik yang bermotivasi etnik adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Hubungan etnik yang kompleks rentetan dari sejarah awal peradaban kerajaan Burma sehingga kepada legasi sistem pecah dan perintah penjajah British dilihat mempengaruhi serta menyumbang kepada corak perseteruan dan perkembangan konflik. Tekanan antarabangsa merupakan saluran dan platform yang signifikan untuk mengawal tahap genosid yang semakin membimbangkan, terutamanya dalam mengembangkan usaha bersama untuk mencari penyelesaian sementara bagi menyelamatkan etnik Rohingya. Namun inisiatif yang ingin diambil haruslah mengukur dan mengambil kira kerumitan konflik yang berlaku agar tidak menjarakkan lagi hubungan masyarakat Bamar - Rakhine - Rohingya. Dengan mengambil contoh negara-negara jiran (Malaysia misalnya), semangat perpaduan perlu di suntik dan model pembentukan masyarakat majmuk yang baru perlu diperkenalkan bagi mempromosikan kesamarataan hak dalam negara di

Myanmar.

## NOTES

1. Pada 1989 nama rasmi negara ini ditukar menjadi Myanmar oleh rejim pemerintah pada ketika itu atas alasan bahawa ‘Myanmar’ adalah nama asal negara tersebut sedangkan ‘Burma’ pula adalah korups i istilah ‘Myanmar’ serta nama yang telah diberikan oleh penjajah British. Selain dari nama rasmi negara, nama kebanyakannya Bandar utama juga ditukar seperti Yangon (Rangoon), Sitwe (Akyab) dan Bagan (Pagan).

Aini Fatihah Roslam  
Pusat Dasar dan Governans Global (GAP)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: ainifatihah@yahoo.com

Firdaus Misran  
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: daus.uitm14@yahoo.com

Zarina Othman  
Pusat Dasar dan Governans Global (GAP)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: zo@ukm.edu.my